

MAQASID SHARIAH MENURUT AL-QURAN DAN HADIS

Abdul Hadi Awang

Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Abdul Hadi Awang. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: abdulhadi@kuis.edu.my.

ABSTRAK

Ilmu maqasid telah lama dibincangkan oleh para ulama terdahulu seperti al-Juwayni (w. 348 H), al-Ghazali (w. 505 H) dan selainnya dalam karya masing-masing. Perbincangan ini diteruskan dengan lebih terperinci oleh al-Shatibi (w. 790 H) dan ulama kontemporari seperti Ibn 'Asyur (w. 1393 H) yang telah mengukuhkan disiplin ilmu ini sehingga menjadi ilmu yang sangat memberi kesan kepada dunia shariah pada hari ini. Walaupun perbincangan lebih tertumpu kepada maqasid shariah, hakikatnya semuanya adalah bermula daripada al-Quran dan hadis. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan maqasid shariah menurut al-Quran dan hadis. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis diskriptif dokumen dan teks buku-buku ulama silam dan komtemporari berkaitan maqasid shariah. Kajian ini mendapati, menjadi keperluan kepada para sarjana zaman ini untuk berijtihad, menyelidik dan berfikir bagi mengeluarkan kefahaman maqasid daripada teks-teks al-Quran dan hadis sepertimana yang dilakukan oleh para sahabat, tabi'in dan imam-imam mujtahid sebelum ini.

Kata kunci: *Maqasid shariah, al-Quran, hadis.*

1. Pendahuluan

Maqasid adalah kata jama' kepada *masdar mimi qasada* iaitu *maqasid* yang bermaksud niat atau tuntutan (Lisan Arab). Manakala takrifan istilah bagi maqasid telah diperkenalkan oleh ulama' silam seperti al-Ghazali (w. 505 H), al-Amidi (w. 631 H) dan selainnya dan juga ulama kontemporari seperti Ibn 'Asyur (w. 1393 H), 'Alal al-Fasi (w. 1394 H) dan lain-lain. Ibn 'Asyur (2014) mentakrifkan maqasid al-syariah sebagai "*Objektif syara' untuk mencapai kepentingan manusia dan menjaga kepentingan mereka yang umum dalam tindakan mereka yang khusus*" sementara 'Alal al-Fasi (2013) memberikan takrifan "*Maksud maqasid al-syariah ialah objektif daripadanya, dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh syara' dalam setiap hukum daripada hukum-*

hakamnya”. Al-Raysuni (1995) menyatakan bahawa hasil daripada kedua-dua takrif inilah yang menjadi rujukan ulama selepas itu dalam membina takrif maqasid al-syariah.

Sa'd Abd al-Rahman (2017) menyimpulkan bahawa takrif maqasid ialah “*Objektif dan matlamat yang mengandungi hukum-hakam syariah, bertujuan mengukuhkan hukum syariah demi kepentingan manusia serta mengelak kebinasaan*”. Takrifan yang diberikan oleh para ulama silam kesemuanya berkaitan maqasid syariah sama ada maqasid umum atau khusus kerana ilmu maqasid adalah sangat sinonim dengan perbincangan usul fiqh. Maksud maqasid juga terdapat dalam perkataan lain seperti *hikmah, masalah* dan selainnya dan dibincangkan dalam pelbagai kitab terutama dalam kitab fiqh, *al-qawa'id al-fiqhiyyah* dan *usul al-fiqh*.

Kebanyakan ulama memfokuskan kepada penulisan maqasid syariah (Rizalman, 2016) berbanding maqasid-maqasid yang lain. Imam al-Ghazali merupakan pembuka ruang kepada penulisan maqasid syariah melalui penulisan beliau yang sangat memberi kesan kepada ilmu maqasid al-quran dalam kitab *Jawahir al-Qur'an* (Yusuf, 1994). Setelah itu Ibn 'Asyur telah mengarang sebuah kitab yang sangat berharga sehingga menjadi rujukan utama dalam maqasid shari'ah iaitu *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*.

Konsep maqasid sunnah adalah satu istilah yang baru dipopularkan akhir-akhir ini oleh ulama-ulama kontemporari walaupun perbincangan maqasid secara umum telah banyak dibicarakan oleh para ulama sebelum ini. Jika ada yang membincangkannya sebelum ini, masih berlindung di bawah maqasid syariah seperti perbincangan maqasid ibadah daripada perspektif sunnah dan sebagainya. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk menyingkap perbincangan konsep maqasid Sunnah daripada ulama silam dan kontemporari. Hasil dapatan daripada kajian ini akan mengeluarkan konsep maqasid Sunnah yang jelas dan terperinci dalam memahami maqasid hadis dengan lebih tepat.

2. Kepentingan Maqasid

Syariat secara umumnya diturunkan demi kemaslahatan umat manusia di dunia dan di akhirat. Semua mazhab bersepakat bahawa syariat Islam yang diturunkan adalah kebaikan seluruhnya melainkan mazhab Zahiri. Ini berdasarkan dalil daripada al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 185 dan surah al-Maidah ayat 6:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ۚ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِيُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya:

(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang bathil). Karena itu, barangsiapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu, dan barangsiapa sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa), sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu

mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهَّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu sampai dengan siku, dan sapulah kepalamu dan (basuh) kakimu sampai dengan kedua mata kaki, dan jika kamu junub maka mandilah, dan jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau kembali dari tempat buang air atau menyentuh perempuan, lalu kamu tidak memperoleh air, maka bertayammumlah dengan tanah yang baik (bersih); sapulah mukamu dan tanganmu dengan tanah itu. Allah tidak hendak menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmatNya bagimu, supaya kamu bersyukur.

Kedua-dua ayat di atas mengandungi suruhan Allah Taala kepada hamba-hambaNya dalam melaksanakan arahan Allah Taala dalam kehidupan manusia. Dalam setiap arahan yang diberikan, sekiranya manusia tidak mampu melaksanakan dengan sebab-sebab tertentu, Allah Taala memberikan penyelesaian alternatif kepada manusia supaya dapat juga melaksanakan arahan tersebut. Contoh dalam ayat 185 surah al-Baqarah, Allah Taala memerintahkan orang-orang beriman supaya berpuasa di bulan Ramadan, tetapi jika tidak mampu dengan sebab sakit atau musafir, penyelesaiannya adalah dengan menggantikan pada bulan-bulan lain. Begitu juga dalam ayat keenam surah al-Maidah apabila Allah Taala memerintahkan supaya orang-orang beriman supaya mengambil wuduk apabila hendak menunaikan solat. Sekiranya air untuk berwuduk tiada, penyelesaiannya adalah dengan bertayammum dengan debu. Hasil daripada penyelesaian tadi ialah matlamat untuk berpuasa dan menunaikan solat itu tercapai walaupun bukan dengan cara pertama yang diperintahkan. Dalam ayat terakhir kedua-dua ayat di atas ialah sebab kenapa ada penyelesaian alternatif kepada kes di atas ialah untuk memudahkan dan bukan menyusahkan. Inilah masalah kepada manusia yang disebutkan oleh para ulamak dalam berbicara berkaitan maqasid.

Menurut Tariq Usman (2016), asas kepada pensyariatkan adalah mudah dan mengangkat kesusahan dan kesukaran. Semua maqasid dalam hukum-hakam secara umumnya adalah mengukuhkan kemudahan melalui nas-nas al-Quran dan hadis secara umum. Oleh sebab demikian, ulama telah mengeluarkan kaedah-kaedah bagi menyokong maqasid mudah dan mengangkat kesukaran ini seperti *al-mashaqqah tajlib al-taysir* (kesulitan melahirkan kemudahan), *al-amr idha daqa ittasa'a* (sesuatu perkara jika terlalu sempit, maka perluaskan), *al-darurat tubih al-mahzurat* (kemudahan mengharuskan perkara-perkara yang diharamkan) dan lain-lain lagi.

Ilmu maqasid sangat penting dalam membentuk akal mujtahid sehingga mampu memahami hikmah sesuatu hukum bukan hanya berpada pada zahir nas. Al-Qaradawi (2008) menegaskan kepentingan ilmu ini berdasarkan sifat Allah Taala iaitu *al-Hakim* yang bermaksud Maha Bijaksana. Allah telah menyebut sifat ini dalam al-Quran lebih daripada 70 kali. Ini memberi maksud Allah tidak menjadikan sesuatu itu sia-sia dan batil. Dalam masa yang sama, Allah Taala

Maha Kaya daripada daripada amalan hambaNya. Setiap arahan dan larangan yang diperintahkan tidak memberi apa-apa kesan kepada Allah Taala bahkan ianya kembali kepada hambaNya. Sudah pasti dalam setiap yang diperintahkan mengandungi kebaikan dan setiap larangan terdapat padanya keburukan. Syariat yang diturunkan pasti disebaliknya ialah kebaikan kepada manusia itu sendiri sama ada ketika di dunia ataupun di akhirat.

Ilmu maqasid dapat memandu akal manusia dalam memahami nas dan menolak pemikiran yang bebas dalam memahami nas seperti kata-kata Ibn al-Qayyim “Asas dan binaan syariah adalah masalah hamba ketika hidup dan mati, adil, rahmat, masalah dan hikmah keseluruhannya”. Maqasid sangat penting untuk dikaji kerana maqasid adalah ruh kepada amalan. Bahkan teori ini terpakai untuk semua perkara yang dilakukan oleh umat Islam. Setiap perkara perlu kepada ruhnya seperti ruh al-Quran adalah maqasidnya. Begitu juga ruh al-Sunnah itu adalah maqasidnya (al-Raysuni, 2013).

3. Maqasid Sunnah

Maqasid Sunnah pada umumnya adalah sama dengan maqasid al-Quran kerana maqasid Sunnah tidak lebih daripada mengulang, menguatkan dan menjelaskan apa yang dimaksudkan oleh maqasid al-Quran secara umum. Namun, secara khusus terdapat perbezaan antara maqasid al-Quran dan maqasid Sunnah iaitu berkaitan tentang maqasid Sunnah secara khusus dan praktikal (al-Raysuni, 2013). Menurut Mahmud (2018), maqasid sunnah adalah sebahagian daripada daripada maqasid syariah secara umum. Ini kerana setiap maqasid syariah adalah berasal daripada al-Quran dan al-sunnah yang telah meletakkan prinsip, kaedah dan asas dalam Islam. Maqasid Shari'ah pada hakikatnya sangat berpegang kuat dengan nas al-Quran dan al-Sunnah. Maqasid yang terbentuk merupakan hasil kajian dan penelitian yang mendalam terhadap nas-nas secara zahir dan batin, lafaz dan maksud dan *kuliyyah* dan *juz'iyah* (al-Raysuni, 2013). Maqasid dan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah sangat berkait rapat tanpa ada pemisahan dalam memahami kedua-duanya.

Dalam usaha untuk memahami maqasid Sunnah, para ulama terdahulu telah memasukkan hadis atau Sunnah sebagai sumber kedua dalam memahami maqasid syariah. Al-Ghazali (2012) dalam kitabnya *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* telah menyatakan cara-cara untuk mengetahui maqasid syariah adalah melalui al-Quran, Sunnah dan ijmak manakala al-Izz Abd al-Salam (1998) dalam kitab *Qawaid al-Ahkam* meletakkan lapan kaedah untuk mengetahui maqasid iaitu melalui al-Quran dan Sunnah, *ijma'*, *qiyas muktabar*, *istidlal* yang benar, akal, andaian yang benar, *istiqra'* dan pengalaman. Ulama kontemporari Muhammad Tahir bin Asyur (2014) dalam *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah* juga menggariskan tiga kaedah mengenal maqasid iaitu melalui *istiqra'*, dalil al-Quran yang jelas dan Sunnah yang *mutawatir*.

Para ulama bersepakat bahawa al-Quran dan Sunnah adalah sumber terpenting dalam maqasid tetapi mereka berbeza dalam menjelaskan kaedah terbaik untuk mengenalpasti maqasid (Zaharuddin, 2014). Ini kerana syariah terbina dengan al-Quran dan Sunnah dan maqasid syariah terbina atas maqasid al-Quran dan maqasid Sunnah. Jika salah satu maqasid al-Quran atau maqasid Sunnah diabaikan, sebenarnya ia telah mengabaikan sebahagian daripada syariah. Maqasid *kuliyyah* tidak akan dapat dicapai melainkan setelah memahami maqasid *juz'iyah* dalam al-Quran atau hadis. Di samping itu, kaedah terbaik untuk memahami maqasid al-Quran ialah dengan memahami maqasid Sunnah kerana baginda Nabi s.a.w. merupakan orang yang paling faham isi kandungan dan kehendak al-Quran melalui hadis-hadis yang diucapkan.

3.1 Pembahagian Maqasid Sunnah

Maqasid Sunnah terbahagi kepada dua bahagian menurut Mahmud (2018) iaitu maqasid umum dan maqasid khusus. Pembahagian ini untuk membezakan antara maqasid Sunnah secara umum yang berkaitan dengan maqasid lain dan maqasid khusus berdasarkan hadis-hadis Nabi s.a.w.

3.1.1 Maqasid Umum

Sunnah Nabi merupakan penjelasan kepada al-Quran al-Karim. Setiap maqasid yang dijelaskan dalam al-Quran, ia juga dijelaskan oleh Sunnah Nabi. Maqasid umum ialah mengukuhkan kemaslahatan makhluk Allah di dunia dan di akhirat melalui hukum-hukum syara' yang telah disyariatkan. Antara maqasid umum Sunnah seperti berikut:

1. Mudah dan bertolak ansur

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَحَبُّ الْأَدْيَانِ إِلَى اللَّهِ الْحَنِيفِيَّةُ السَّمْحَةُ

Maksudnya:

Daripada Abdullah bin Abbas bahawasa Rasulullah s.a.w bersabda: "Agama yang paling disukai Allah ialah lurus dan bertolak ansur."

(Al-Bukhari, *Kitab al-Iman, Bab al-Din Yusr*, Nombor hadis 23)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ ، فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا وَأَبْشِرُوا ، وَاسْتَعِينُوا بِالْعَدْوَةِ وَالرَّوْحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدَّجَّةِ

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah, bahwa Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya agama itu mudah. Tidaklah seseorang mempersulit (berlebih-lebihan) dalam agama melainkan dia akan dikalahkan. Oleh itu kerjakanlah dengan sebaiknya, atau mendekati terbaik dan bergembiralah (dengan pahala Allah) dan mohonlah pertolongan di waktu pagi, petang dan sebagian malam".

(Al-Bukhari, *Kitab al-Iman, Bab al-Din Yusr*, Nombor hadis 39)

Hadis di atas memberikan suatu analogi bahawa dalam melaksanakan tuntutan agama seharusnya adalah dengan sebaiknya dan tegahan daripada berlebih-lebihan dalam melaksanakannya. Tegahan ini bukanlah bermaksud supaya meninggalkan kesempurnaan dalam melakukan ibadah, bahkan kesempurnaan dalam ibadah adalah amalan terpuji. Tetapi tegahan

berlebih-lebihan ini bagi mengelakkan daripada rasa bosan daripada melakukan ibadah, atau berlebih-lebihan melakukan amalan sunat sehingga meninggalkan amalan wajib seperti melakukan solat sepanjang malam sehingga tertidur dan terlepas daripada solat subuh berjemaah atau sehingga luput waktu solat subuh (Tarig Usman, 2016)

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّهَا قَالَتْ مَا خَيْرَ رَسُولٍ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ أَمْرَيْنِ فَطَأَّ إِلَّا أَخَذَ أَيْسَرَهُمَا مَا لَمْ يَكُنْ إِثْمًا فَإِنْ كَانَ إِثْمًا كَانَ أَبْعَدَ النَّاسِ مِنْهُ

Maksudnya:

Daripada Aisyah r.ha, bahawa beliau berkata: “Rasulullah s.a.w tidak diberi pilihan melainkan baginda akan memilih yang paling mudah daripada keduanya selagi ia tidak berdosa. Jika ia berdosa, dialah manusia yang paling jauh daripadanya.”

(Al-Bukhari, *Kitab al-Manaqib, Bab Sifat al-Nabiy Salla Allah alaih wasallam*, Nombor hadis 3367)

2. Adil

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اتَّقُوا الظُّلْمَ فَإِنَّ الظُّلْمَ ظُلُمَاتٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَاتَّقُوا الشُّحَّ فَإِنَّ الشُّحَّ أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ حَمَلُهُمْ عَلَى أَنْ سَفَكُوا دِمَاءَهُمْ وَاسْتَحَلُّوا حَرَامَهُمْ

Maksudnya:

Dari Jabir bin ‘Abdullah bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Hindarilah kezaliman, kerana kezaliman itu akan mendatangkan kegelapan pada hari kiamat. Jauhilah sifat kedekut, kerana kedekut itu telah menghancurkan umat sebelumnya. Sifat itu mendorong mereka sehingga sanggup melakukan pembunuhan dan melakukan hal-hal yang haram.”

(Muslim, *Kitab al-Bir wa al-Salah, Bab Tahrim al-Zulm*, Nombor hadis 2578)

3. Mencegah mudarat dan memudaratkan

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ سَعْدِ بْنِ سِنَانَ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya:

Dari Abu Sa'id, Sa'ad bin Sinan al-Khudri bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tidak boleh melakukan perbuatan yang mudharat dan memudharatkan.”

(Ibn Majah, *Kitab al-Ahkam, Bab Man Bana fi Haqqihi ma Yadur bi Jarihi*, Nombor hadis 2340)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْإِيمَانُ بِضْعٌ وَسَبْعُونَ أَوْ بِضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً، فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَدْنَاهَا إِمَاطَةُ الْأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ، وَالْحَبَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Iman itu ada tujuh puluh lebih atau enam puluh lebih cabang. Yang paling utama adalah perkataan لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ (Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah) dan yang paling rendah adalah menyingkirkan gangguan-gangguan yang menyakitkan di jalanan. Dan sifat malu adalah sebahagian daripada iman.”

(Al-Bukhari, Kitab al-Iman, Bab Umur al-Iman, Nombor hadis 9)

Dalam hadis di atas, baginda Nabi s.a.w. menghimpunkan dari sekecil-kecil kebaikan kepada sebesar-besar kebaikan. Kebaikan yang paling besar dan tinggi ialah tauhid dengan mengucapkan kalimah mengEsakan Allah, kemudian kebaikan itu turun secara berperingkat sehingga paling rendah iaitu membuang perkara yang mengganggu di jalan-jalan. Begitulah bagaimana manusia mengetahui bahawa maqasid syara’ terbina atas *masalih* (kebaikan/ masalah) mengikut peringkatnya.

3.1.2 Maqasid khusus

Maqasid khusus adalah matlamat yang digariskan daripada hadis Nabi dalam ruang lingkup khusus dalam kehidupan seperti ekonomi, kekeluargaan, politik dan sebagainya. Maqasid khusus ini dijelaskan melalui penjelasan hukum secara terperinci mengikut ruang lingkungannya tersendiri. Antara maqasid khusus Sunnah seperti berikut:

1. Maqasid melihat tunangan adalah untuk membina sifat kasih sayang antara pasangan bagi menghadapi kehidupan yang masa hadapan.

عَنْ الْمُعْبِرَةِ بْنِ شُعْبَةَ أَنَّهُ خَطَبَ امْرَأَةً فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: انظُرْ إِلَيْهَا فَإِنَّهُ آخِرَى أَنْ يُؤَدَمَ بَيْنَكُمَا

Maksudnya:

Daripada al-Mughirah bin Syu’bah bahawa dia bertunang dengan seorang perempuan. Maka berkata Nabi s.a.w. “Lihatlah perempuan itu sesungguhnya ia akan mengekalkan kasih sayang antara kamu berdua”.

(Al-Tirmizi, Kitab al-Nikah ‘an Rasul Allah Salla Allah alaihi wasallam, Bab Ma Ja’a fi al-Nazar ila al-Makhtubah, Nombor hadis 1087)

2. Maqasid meminta izin sebelum masuk ke dalam rumah atau bilik adalah untuk menjaga maruah manusia.

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا جُعِلَ الْإِسْتِئْذَانُ مِنْ أَجْلِ الْبَصَرِ

Maksudnya:

Daripada Sahl bin Sa’d, Nabi s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya disyariatkan meminta izin adalah untuk menjaga pandangan.”

(Al-Bukhari, Kitab al-Isti’zan, Bab al-Isti’zan min ajl al-Basar, Nombor hadis 5799)

3. Maqasid daripada perkahwinan adalah untuk menjaga kemaluan.

فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ : كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَبَابًا لَا يَجِدُ شَيْئًا ، فَقَالَ : " يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ ، مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ ، فَإِنَّهُ أَغْضَى لِلْبَصَرِ وَأَخْصَنُ لِلْفَرْجِ ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ "

Maksudnya:

Berkata Abdullah: Kami bersama Rasulullah s.a.w dan pemuda yang tidak memiliki apa-apa, maka baginda s.a.w bersabda "Wahai sekalian pemuda, barangsiapa di antara kalian yang sudah memiliki kemampuan maka hendaklah dia menikah, kerana hal tersebut lebih menundukkan pandangan dan lebih memelihara kemaluan. Dan barangsiapa yang belum mampu, maka hendaklah dia berpuasa kerana puasa adalah perisai baginya."

(Al-Bukhari, *Kitab al-Nikah, Bab Qawl al-Nabiy Salla Allah alaih wasallam Man Istata' minkum al-Ba'ah fa al-Tazawwaj*, Nombor hadis 4778)

4. Maqasid Sunnah Menurut Sarjana Islam

Perbincangan maqasid selalunya akan berkisar tentang maqasid shariah kerana perkataan maqasid sinonim dengan maqasid shariah. Menurut Sa'd (2017), perkembangan ilmu maqasid sudah wujud pada zaman sahabat dan tabi'in berdasarkan kepada kefahaman mereka terhadap al-Quran dan hadis apabila mampu mengeluarkan pendapat yang sesuai dan tepat untuk zaman tersebut. Keputusan untuk menghimpunkan al-Quran dalam satu mushaf pada zaman Abu Bakar r.a adalah sebahagian daripada konsep maqasid untuk menjaga agama (Umar, 2000). Jika diteliti keputusan-keputusan yang dibuat pada zaman sahabat terutama pada zaman Umar r.a. menunjukkan bahawa mereka sememangnya secara semula jadi telah menguasai ilmu maqasid walaupun ilmu ini belum dibukukan lagi.

Namun jika diteliti, perkataan '*maqasid*' atau yang seumpamanya telah dibincangkan sejak kurun keempat Hijrah lagi apabila seorang ahli sufi dan falsafah, al-Hakim al-Tirmizi telah menggunakan istilah '*maqasid*' dalam kitabnya *al-Salat wa Maqasiduha*. Beliau yang tidak dapat dikenali pasti tarikh wafatnya kerana terlalu banyak perbezaan pendapat merupakan antara ulama terawal yang menggunakan perkataan '*maqasid*' ini. Kemudian al-Maturidi (w. 333 H) seorang ulama besar dalam ilmu kalam yang juga pengasas mazhab *al-Maturidiyyah* telah mengarang karya yang membincangkan ilmu maqasid iaitu kitab *Ma'khaz al-Shara'i*. Malangnya karya ini telah hilang. Selepas itu, muncul al-Qaffal al-Shashi (w. 365 H) yang dikenali dengan nama al-Qaffal al-Kabir, seorang ulama besar dalam usul fiqh dan mazhab shafie telah mengarang karya yang membahaskan berkaitan maqasid dalam kitabnya *Mahasin al-Shari'ah*. Al-Abhari (w. 375 H) pula telah mengarang kitab *Mas'alat al-Jawab wa al-Dalail wa al-'Ilal* yang berkaitan dengan maqasid. Penutup kurun ini seorang mujaddid kurun keempat iaitu al-Baqilani (w. 403 H) yang mempunyai beberapa karya yang berkaitan dengan maqasid seperti *al-Muqni' fi Usul al-Fiqh, al-Ahkam wa al-'Ilal* dan *Kitab al-Bayan 'an Faraid al-Din wa Shara'i' al-Islam* (Raysuni, 1995).

Secara khususnya, perbincangan maqasid shariah telah bermula pada kurun kelima melalui karya Imam al-Juwayni (w. 478 H), kemudian diteruskan oleh muridnya, Imam al-Ghazali, al-

Razi, al-Amidi dan anak muridnya al-'Izz bin 'Abd al-Salam serta ramai lagi ulamak lain sehingga al-Shatibi (w. 790 H) yang menjadikan ilmu ini sebagai satu ilmu khusus dalam satu karya magnum opusnya. Sa'd (2017) menambah lagi bahawa selepas itu bermula penulisan maqasid shariah oleh ulama kontemporari yang dimulai oleh Ibn 'Ashur (w. 1393 H) diikuti oleh 'Alal al-Fasi (w. 1394 H) dan ramai lagi seperti Dr. Yusof al-Qaradawi, Dr. al-Raysuni dan lain-lain.

Kebanyakan ulama membahaskan ilmu maqasid dalam kitab usul fiqh ketika membicarakan bab *qiyas* seperti Imam al-Haramayn al-Juwayni dalam kitabnya *al-Burhan*, Imam al-Ghazali dalam kitabnya *al-Mustasfa*, al-Razi (w. 606 H) dalam kitabnya *al-Mahsul fi 'Ilm Usul al-Fiqh* dan 'Iz al-Din bin Abd al-Salam (w. 660 H) dalam dua kitab karangannya iaitu *al-Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam* dan *Qawa'id al-Sughra*. Terdapat juga ulama yang menjadikan disiplin ilmu maqasid sebagai satu tajuk khusus ketika membahaskannya seperti al-Shatibi dalam kitabnya *al-Muwafaqat* dalam jilid kedua (Zul Anwar, 2014).

Jika diteliti karya ulama, tidak ada ulama yang membahaskan maqasid Sunnah secara jelas dalam satu bab khusus melainkan hanya menyebutkan perkataan maqasid dan kaitannya dengan hadis di beberapa tempat. Imam Nawawi (w. 676 H) sebagai contohnya, tidak menggunakan perkataan maqasid ketika mensharahkan hadis Sahih Muslim berkaitan sunat bernikah bagi memelihara kemaluan bagi pemuda yang mempunyai kemampuan dalam karyanya *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Al-Khadimiy (2001) hanya membahaskan bahawa Sunnah adalah sumber kedua dalam menjelaskan matlamat dan maqasid syara' melalui penegasan kepada maqasid yang telah digariskan oleh al-Quran dan juga beberapa hukum-hukum yang tidak disebut dan dijelaskan oleh al-Quran.

Perbahasan maqasid Sunnah hanya dibahaskan dalam satu bab khusus oleh al-Raysuni dalam kitabnya *Maqasid al-Maqasid al-Ghayat al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyyah li Maqasid al-Shari'ah*. Menurut al-Raysuni (2013), terdapat dua perkara penting dalam maqasid Sunnah untuk membina kefahaman yang benar dan menunjukkan jalan agama yang sahih iaitu berusaha meletakkan Sunnah dan hadis Nabi s.a.w. di tempatnya yang sepatutnya bertepatan dengan maqasid syara' dan mengelakkan daripada terjatuh dalam tafsiran dan amalan yang menyimpang daripada tujuan sebenar syara' sehingga menyebabkan berlaku penyelewengan agama. Bagi memahami maqasid Sunnah dengan tepat, al-Raysuni telah meletakkan dua kaedah utama untuk difahami dengan baik iaitu mengetahui kedudukan dan sifat Nabi s.a.w ketika menyampaikan kata-kata dan mengetahui *sabab wurud al-hadis* dan memahami konteksnya.

4.1 Mengetahui Kedudukan Dan Sifat Nabi Ketika Menyampaikan Kata-Kata

Seperti yang telah sedia maklum, baginda Nabi s.a.w ketika menyampaikan kata-kata ataupun sesuatu hadis bukanlah hanya pada satu keadaan sahaja bahkan baginda s.a.w menyampaikan kata-kata dalam berbagai kedudukan dan keadaan dengan tujuan yang pelbagai juga antaranya seperti Baginda s.a.w bercakap dan berurusan dengan kedudukan sebagai seorang Rasul dan Nabi dalam menyampai, menjelas dan melaksanakan wahyu, Baginda s.a.w bercakap sebagai seorang manusia biasa yang juga lapar, dahaga, makan, minum dan sebagainya, Baginda s.a.w bercakap sebagai seorang ahli masyarakat yang mempunyai adat kehidupan, Baginda s.a.w bercakap sebagai seorang pemimpin negara yang menjadi ikutan ramai, Baginda s.a.w bercakap sebagai seorang pemimpin di medan perang dalam mengatur strategi peperangan, Baginda s.a.w berperanan sebagai seorang hakim yang mendamaikan antara dua orang yang bergaduh, Baginda s.a.w berperanan sebagai penasihat dalam keadaan tertentu menasihati para sahabatnya, Baginda s.a.w

diminta bercakap mewakili sebahagian kaum dan bercakap dengan tujuan yang diminta dan Baginda s.a.w kadang-kadang menyuarakan pendapatnya dalam hal-hal keduniaan berdasarkan pengalaman dan penilaian peribadi. Contohnya ketika peperangan Hunayn baginda s.a.w bersabda:

عن أبي قتادة قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم من قتل قتيلًا له عليه بيعة فله سلبه

Maksudnya:

Daripada Abu Qatadah bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: “Sesiapa yang membunuh (musuh), baginya harta simati (salab)”.

(Al-Tirmizi, *Kitab al-Siyar ‘an Rasulillahi Salla Allah alaih wasallam, Bab Ma Ja’a fi Man Qatala Qatilan fa Lahu Salabuh*, Nombor hadis 1562)

Secara zahirnya, hadis ini memberi erti sesiapa yang dapat membunuh musuh di medan perang, akan mendapat harta si mati daripada pedang, harta dan sebagainya. Tetapi ulama berbeza pendapat adakah arahan ini umum dan berterusan dalam semua peperangan tanpa pembahagian daripada panglima perang? atau adakah hadis ini hanyalah pendapat sebagai seorang panglima perang untuk peperangan tertentu sahaja? Imam Ahmad dan Imam al-Shafie berpendapat harta *salab* disyariatkan tanpa perlu persetujuan panglima perang. Imam Abu Hanifah berpendapat mesti mendapat persetujuan panglima perang manakala Imam Malik mensyaratkan persetujuan panglima perang selepas peperangan.

Menurut al-Raysuni, hadis di atas bukanlah satu arahan yang bersifat kenabian dan pensyariatan secara umum. Beliau mentarjihkan pendapat yang harta *salab* mesti mendapat persetujuan panglima perang berdasarkan beberapa perkara iaitu hadis tersebut adalah berlawanan dengan maksud asal peperangan dalam Islam iaitu untuk meninggikan syariat Islam bukanlah untuk mendapatkan harta rampasan perang dan hadis ini juga berlawanan dengan ayat al-Quran yang menyatakan harta rampasan perang dikumpul dan dibahagikan oleh panglima perang. Oleh itu, hadis ini adalah arahan baginda s.a.w sebagai seorang panglima perang yang bersifat sementara dan khusus dalam keadaan tertentu untuk peperangan Hunayn sahaja. Oleh sebab itu, hadis ini juga tidak boleh diambil kefahaman secara umum untuk semua peperangan dan untuk sepanjang zaman.

4.2 Mengetahui *Sabab Wurud* Hadis Dan Memahami Konteksnya

Sebab *wurud* hadis seperti sebab turun al-Quran iaitu peristiwa, persoalan atau keadaan yang menyebabkan baginda SAW menyampaikan hadis tersebut. Pengetahuan mengenai sebab *wurud* sangat penting dan banyak memberi manfaat dalam memahami maksud sesuatu hadis kerana ketidakfahaman tentang *sabab wurud* akan menyebabkan seseorang terkeluar daripada memahami maksud hadis yang sebenar. Contohnya dalam sabda baginda s.a.w:

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال إذا جاء أحدكم الجمعة فليغتسل

Maksudnya:

Daripada Abdullah bin 'Umar r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: "Jika salah seorang daripada kamu mendatangi Jumaat (solat Jumaat) maka hendaklah dia mandi".

(Al-Bukhari, *Kitab al-Jumu'ah, Bab Fadl al-Ghushl Yawm al-Jumu'ah wa Hal 'ala al-Sabiy Shuhud Yawm al-Jumu'ah aw 'ala al-Nisa'*, Nombor hadis 837)

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " الْغُسْلُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُحْتَلِمٍ "

Maksudnya:

Daripada Abu Said al-Khudri r.a berkata, Rasulullah Rasulullah s.a.w. bersabda: "Mandi pada hari Jumaat wajib untuk setiap orang yang sudah baligh."

(Al-Bukhari, *Kitab al-Jumu'ah, Bab Fadl al-Ghushl Yawm al-Jumu'ah wa Hal 'ala al-Sabiy Shuhud Yawm al-Jumu'ah aw 'ala al-Nisa'*, Nombor hadis 839)

Secara umumnya hadis ini memberi maksud sesiapa yang hendak ke masjid menunaikan solat Jumaat hendaklah mandi terlebih dahulu. Ulama berbeza pendapat dalam perkara ini adakah ianya wajib atau sunat? Adakah dikira mandi malam jumaat atau pada awal paginya ataupun mesti betul-betul sebelum solat Jumaat? Terdapat dua atau beberapa pendapat fuqaha' dalam masalah ini. Hakikatnya, hadis ini sangat jelas tanpa perlu kepada beberapa pendapat lain jika difahami hadis ini menerusi *sabab wurudnya*. Dalam *sahihayn* 'Aisyah berkata:

عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَتْ : " كَانَ النَّاسُ يَنْتَابُونَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ مِنْ مَنَازِلِهِمْ وَالْعَوَالِي ، فَيَأْتُونَ فِي الْعُبَارِ يُصِيبُهُمُ الْعُبَارُ وَالْعَرَقُ فَيَخْرُجُ مِنْهُمْ الْعَرَقُ ، فَأَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنْسَانٌ مِنْهُمْ وَهُوَ عِنْدِي ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَوْ أَنَّكُمْ تَطَهَّرْتُمْ لِيَوْمِكُمْ هَذَا

Maksudnya:

Daripada 'Aishah r.a isteri Nabi s.a.w. berkata: Orang ramai datang pada hari Jumaat dari rumah-rumah mereka di perkampungan Al-'Awaliy. Mereka datang melalui kawasan yang berdebu sehingga tubuh mereka berdebu dan berpeluh. Salah seorang daripada mereka datang berjumpa Nabi s.a.w ketika baginda berada bersamaku. Nabi s.a.w. pun bersabda: "Seandainya kalian bersuci untuk hari ini."

(Al-Bukhari, *Kitab al-Jumu'ah, Bab Min Aina Tu'ta al-Jumu'ah wa 'ala Man Tujib*, Nombor hadis 860)

Menurut al- Raysuni, hadis ini memberi maksud mandi sebelum jumaat adalah wajib bagi sesiapa yang badannya terdapat debu dan peluh yang boleh menyakiti para Jemaah manakala ianya sunat bagi sesiapa yang tidak ada padanya debu atau peluh.

5. Faedah Memahami Sunnah Berdasarkan Maqasid

Tidak syak lagi bahawa shariah diturunkan untuk *masalahah* umat manusia dan mengangkat kesukaran. Ulama telah menggariskan kepentingan maqasid dalam memahami Sunnah Nabi s.a.w

bagi mendapatkan kefahaman yang sebenar sesuatu hadis. Menurut Rozaima (2015) dan Abd Bari (2018), terdapat beberapa faedah memahami Sunnah berdasarkan kepada kaedah maqasid seperti berikut:

1. Konsep *masalah* dan menolak kebinasaan

Nabi s.a.w bersabda dalam sebuah hadis;

عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Maksudnya:

Dari Ibn Umar bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: "Sesiapa menyerupai sesuatu kaum, dia adalah sebahagian daripada mereka."

(Abu Dawud, *Kitab al-Libas, Bab fi Lubas al-Shuhrah*, Nombor hadis 4033)

Hadis di atas menegah kaum muslimin daripada menyerupai orang kafir daripada semua aspek kehidupan secara mutlak. Tetapi Ibn Taymiyyah memahami hadis ini dalam konteks maqasid dengan menyatakan bahawa maqasid larangan ini adalah untuk menunjukkan kehebatan Islam berbanding orang kafir *zimmi* ketika Islam kuat manakala ketika Islam lemah dan tidak kuat, umat Islam tidak disuruh untuk berbeza daripada orang kafir kerana mudarat yang wujud lebih besar berbanding manfaat.

2. Memahami kehendak Allah

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: "فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ، وَالذَّكْرِ وَالْأُنْثَى، وَالصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ"

Maksudnya:

Dari Ibn Umar r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: "Rasulullah s.a.w telah mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadan, segantang tamar atau segantang gandum ke atas golongan hamba dan orang merdeka, lelaki dan perempuan, kecil dan besar dari kalangan orang Islam."

(Al-Bukhari, *Kitab al-Zakat, Bab Fard Sadaqah al-Fitr*, Nombor hadis 1503)

Hadis dia atas menjelaskan sukatan bagai zakat fitrah yang diwajibkan kepada semua orang Islam setahun sekali. Secara tekstual, hadis ini difahami bahawa kewajipan zakat adalah pada tamar atau gandum tetapi menurut al-Qaradawi (2002), keperluan pada hari ini, lebih menuntut kepada wang untuk keperluan penerima zakat berbanding makanan. Oleh itu membayar zakat dengan wang adalah lebih utama pada zaman ini.

3. Mengutamakan pendapat yang bertepatan dengan maqasid jika berlaku perselisihan dalam memahami hadis.

عَنْ أَبِي مَرْثَدٍ الْعَنْبَرِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَجْلِسُوا عَلَى الْقُبُورِ وَلَا تُصَلُّوا إِلَيْهَا

Maksudnya:

Dari Abu Marthad al-Gahanawiy bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: “Janganlah kamu duduk di atas kuburan dan janganlah kamu solat mengadapnya.”

(Muslim, *Kitab al-Janaiz, Bab al-Nahy ‘an Tajsis al-Qabr wa al-Bina’ ‘alaihi*, Nombor hadis 972)

Hadis di atas menurut ulama terbahagi kepada dua pendapat. Pendapat pertama menyatakan sebab tegahan duduk dan solat di kuburan adalah disebabkan kuburan itu najis manakala pendapat kedua menyatakan bahawa sebab larangan adalah untuk menutup pintu yang membawa kepada syirik (Rozaime, 2015). Ibn Qayyim dan Ibn Hajar mentarjihkan pendapat kedua kerana maqasid shariah adalah untuk menjaga akidah. Ini adalah kerana golongan Yahudi dan Nasrani menjadikan kuburan para Nabi mereka sebagai tempat sembahyang sedangkan jasad para Nabi tidaklah dianggap sebagai najis.

6. Kesimpulan

Mengetahui maqasid Sunnah sangat penting dalam memahami maksud sebenar sesuatu hadis untuk diamalkan. Kesan tidak memahami maqasid Sunnah akan menyebabkan hilangnya hikmah dan tiada faedahnya sesuatu hadis itu. Ia juga boleh menghilangkan ruh syariat yang bersifat fleksibel dan mendatangkan masalah pada setiap tempat dan zaman (Abd Bari, 2018). Di samping itu, ketidakfahaman tentang maqasid Sunnah akan menyebabkan seseorang menggunakan hadis secara salah dengan meletakkannya bukan pada tempatnya yang menyebabkan kepada kemudaratan dan kebinasaan. Bertepatan dengan seruan oleh Dr. Abd Rahman al-Kaylani (2000), kepada para mujtahid ketika berijtihad supaya meneliti setiap nas al-Quran atau hadis dengan maqasidnya kerana setiap hukum-hakam yang disyariatkan adalah wasilah kepada matlamat syariat itu diturunkan. Tidak sepatutnya wasilah ini dipisahkan daripada matlamatnya.

Kefahaman yang benar tentang maqasid Sunnah akan dapat mengukuhkan *maslahah* dan menjauhkan kebinasaan terhadap kehidupan manusia. Ia juga membantu lebih memahami dan mendalami al-Quran dengan baik dan shariah secara umum. Kepentingan maqasid Sunnah sangat tinggi terutama di zaman ini apabila terdapat segelintir yang memetik hadis dalam ucapan atau tulisan tanpa kefahaman yang benar seperti yang telah dibahaskan oleh para ulama.

RUJUKAN

Abd Bari bin Awang & Ahmad Akram bin Mohad Rabi. 2018. Maqasid al-Sunnah al-Nabawiyah ghayr Tashri‘iyah. *Al-Tajdid Journal*, IIUM Pres.

‘Alal al-Fasi. 2013. *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah wa Makarimuha*. Kaherah: Dar al-Salam.

Al-Ghazali, Muḥammad bin Muḥammad. 2012. *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Usūl*, ed. Muḥammad Sulayman al-Ashqar. Beirut: Muassasah al-Risalah.

- Al-Khadimiy, Nuruddin Mukhtar. 2001. *Ilm Maqasid al-Shariah*. Riyadh: Maktabah ‘Ubaikan.
- Al-Kilani, ‘Abd al-Rahman. 2000. *Qawa‘id al-Maqasid ‘inda al-Imam al-Shatibi*. Herndon: al-Ma‘had al-‘Alamiy al-Fikr al-Islamiy.
- Al-Qaradawi. 2008. *Dirasah fi Fiqh Maqasid al-Shariah baina al-Maqasid al-Kuliyyah wa al-Nusus al-Juziyyah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Qaradawi. 2002. *Kaifa Nata ‘amal ma ‘a al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Raysuni. 2013. *Maqasid al-Maqasid al-Ghayat al-‘Ilmiyyah wa al-‘Amaliyyah li Maqasid al-Shari‘ah*. Beirut: al-Shabkha al-‘Arabiyyah li al-Abhas wa al-Nashr.
- Al-Raysuni. 1995. *Nazariyyah al-Maqasid ‘inda al-Imam al-Shatibi*. USA: The International Institute of Islamic Thought.
- Ibn ‘Asyur. 2014. *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Izzuddin bin ‘Abd al-Salam. 1998. *Qawa‘id al-Ahkam fi Masalih al-anam*. Beirut: Muassasat al-Rayyan.
- Mahmud bin Ahmad al-Dusri. 2018. *Al-Maqasid al-‘Azimah li al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Al-Alukah. 8/5/2019 (<https://www.alukah.net/sharia/0/125565/>)
- Mohd Rozaim Ramle. 2015. Fahm al-Hadith fi Dauw’ al-Maqasid al-Shar’iyyah Ta’sil wa Fawaid wa Dawabit. *Journal Hadis*. Vol. 9, 2015.
- Rizalman Muhammad. 2016. *Maqasid Ibadah Haji Dalam Perspektif Sunnah: Kajian Terhadap Kefahaman Dan Amalan Jemaah Haji Malaysia*. Tesis Phd Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Sa‘d ‘Abd al-Rahman Farj al-Kabaysi. 2017. *Maqasid al-Syariah fi al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam
- Tariq Usman Ali Mansor & Saad Eldin Mansour. 2016. Maqsad “al-Taysir” wa Raf‘ “al-Haraj” min Khilal Nusus al-Sunnah al-Nabawiyyah: Dirasah Tahliliyyah. *Journal Hadis*. Vol. 6, No. 12, Desember 2016.
- Umar bin Salih. 2000. *Maqasid al-Shariah ‘ind Ibn Taymiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais
- Yusuf Hamid al-‘Alim. 1994. *Al-Maqasid al-‘Ammah Li al-Shari‘ah al-Islamiyyah*, ed. ke- 2. al-Ma‘had al-‘Alami Li al-Fikr al-Islami.

Zul Anwar Ajim Harahap. 2014. *Konsep Maqasid Al-Syariah Sebagai Dasar Penetapan Dan Penerapannya Dalam Hukum Islam Menurut 'Izzuddin Bin 'Abd Al-Salam (W.660 H). Jurnal Tazkir.*